

05 MAR 1997

ROMBONGAN DAGANGAN TERBESAR AS TIBA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Rombongan dagangan Amerika yang terbesar ke Malaysia akan tiba di sini minggu depan untuk menghadiri mesyuarat tahunan meja bulat perniagaan Amerika-Malaysia yang kedua pada 11 Mac.

Rombongan yang dianggotai 100 orang akan diketuai oleh pengerusi Majlis Perniagaan AS-Asean, George David, yang merupakan presiden dan ketua pegawai eksekutif United Technologies Corporation. Rombongan itu juga akan melawat Singapura dan Indonesia.

Mesyuarat meja bulat itu dianjurkan bersama oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC).

Anggota-anggota rombongan tersebut termasuklah bekas Setiausaha Perbendaharaan AS Lloyd Bensen, bekas Setiausaha Negara Alexander Haig dan bekas Penasihat Ekonomi Negara kepada Presiden Bill Clinton Dr Laura D'Andrea Tyson.

Beberapa pemimpin perniagaan AS terkemuka termasuklah presiden ARCO Inc Roger Truitt, naib presiden eksekutif Mobil Oil Corporation John Simpson, pengarah urusan McDonald Corporation Raymond Cesca, ketua pegawai eksekutif Harvest International Harvey Goldstein, presiden Carrier Corporation John Lord dan pengerusi General Electric Aircraft Engines Brian Rowe.

Naib presiden eksekutif ASLI, Michael Yeoh memberitahu pemberita hari ini rombongan AS itu akan menumpukan perhatiannya pada bagaimanakah syarikat AS boleh menyertai untuk menjadikan Wawasan 2020 satu kenyataan dan mentakrifkan sebuah agenda yang akan meningkatkan perdagangan dan pelaburan AS-Malaysia ke dekad akan datang.

Beliau berkata menteri perdagangan antarabangsa dan industri Datuk Seri Rafidah Aziz dijadualkan menyampaikan amanatnya di mesyuarat meja bulat berkenaan dan menteri pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak pula akan menyampaikan kertas kerjanya mengenai Pendidikan Dalam Konteks Wawasan 2020.

Yeoh juga berkata para pemimpin rombongan tersebut dijadualkan melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malaysia adalah rakan perdagangan yang 11 terbesar Amerika Syarikat dan negara tersebut adalah pasaran eksport terbesar bagi barangan Malaysia. --
BERNAMA

JR MA/sia